

"NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam keluar pada hari Aidilfitri, lalu Baginda melakukan solat hari raya sebanyak dua rakaat dan tidak melakukan solat yang lain sama ada sebelum atau selepasnya".

- Hadis daripada Ibn 'Abbas Radiallahuanhuma,
Riwayat al-Bukhari (945)

BERKENAN TERIMA MENGADAP MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. - Foto : Alishahrin Haji Momin (Lihat muka 3).

Bersama mengelinga kebajikan, kesejahteraan pesakit memerlukan bantuan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kementerian Kesihatan dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) yang diselajurkan dengan pelancaran Penyerahan Penempatan Bantuan Peralatan Pesakit Kepada Golongan Yang Memerlukan.

Projek Penempatan Bantuan Peralatan Pesakit Kepada Golongan Yang Memerlukan berkenaan adalah merupakan projek bantuan jangka masa panjang YSHHB dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan PJSC.

Malalui nanti, sebahagian bantuan peralatan perubatan YSHHB akan diberikan secara pinjaman sahaja dan sebahagian lagi, iaitu khususnya bagi peralatan pesakit yang tidak dapat digunakan secara berkongsi akan diberikan secara one-off.

>> Muka 5

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Seramai 262 pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta tenaga pengajar dari institusi-institusi pendidikan dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Keputeraan baginda Ke-77 Tahun bagi 2023.

>> Muka 5

15 anak damit lahir 1 Muharam

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Dalam melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kelahiran anak damit pada hari yang baik dan bersejarah ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam, pagi tadi mengungkayahkan Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Iftar Hijrah 1446.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas pada majlis yang berlangsung di Pusat Perempuan

dan Kanak-kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan isteri.

>> Muka 6



Berita Utama



SMMH serta Program Sekolah Berkembar di Singapura

Muka 9



FILEM pendek UBD akan ditayangkan di MFF Sarawak

Muka 10



KAJIAN TENAGA KERJA 2024

PENYENARAIAH TEMPAT KEDIAMAN (HOUSELISTING)

1 - 21 JULAI 2024

Tujuan

Untuk memperbaiki pangkalan data yang komprehensif dan terkini bagi Kajian Tenaga Kerja (KT) yang akan dilaksanakan pada 14 Oktober 2024.

KAJIAN Tenaga Kerja 2024 bermula 14 Oktober 2024

Muka 17



RENCANA
PERSIAPAN negara untuk
Sambutan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Raja
Yang Dikasihi Ke-78

Muka 21



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1446.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,**
Bismillahir Rahmani Rahim,
Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya,
Waddeen Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhamadin Wa'alaa
'Alihie Wasabihee Ajma'een,
Waba'du

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya juga, dapatlah kita menyambut Ialal Hijrah 1446 dalam suasana aman yang diberkati.

Beta berharap semoga Tahun 1446 Hijrah ini akan memberikan semangat baru untuk kita menjalani kehidupan berbakti.

Peristiwa Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak ada harta untuk disebut, melainkan ianya membawa mesej

Hijrah pembawa perubahan lebih bererti kepada kehidupan umat Islam

pengajaran yang termahal dalam sejarah. Ia dilihat sebagai pembuka pintu rahmat bagi umat. Dengannya, Islam mula bebas tersebar tanpa sekatan. Itulah keberkatan hijrah. Ia merupakan pembawa perubahan lebih bererti kepada kehidupan umat Islam khasnya dan kepada alam sejagat amnya.

Konsep hijrah tidak hanya sekali berlaku, tetapi berterusan berlaku, sebagaimana maksud hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Abu Daud : "Dari Muawiyah Radiallahuanhu dia berkata : Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Hijrah itu tidak akan berhenti sehingga tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat pula tidak akan tertutup sehingga matahari terbit dari tempat terbenamnya." Tema sambutan pada tahun ini berbunyi : 'Memelihara Akal'. Tema ini bagus, kerana akal menentukan kesempurnaan hidup. Manakala akal sihat, maka sihatlah hidup, dan manakala akal rosak, maka rosaklah hidup.

Konsep memelihara akal dapat dihubungkan dengan hukum pengharaman benda-benda yang memabukkan. Manusia manakala mabuk, bererti akalnya sedang bermasalah. Orang yang mabuk, sama ada mabuk kerana arak atau ganja atau dadah, semua itu menjadi alamat bahawa akal orang yang mabuk itu adalah rosak. Kerana itu agama Islam sangat bertegas mengharamkan benda-benda yang memabukkan.

Menyebut tentang akal, ia juga berkaitan dengan mental. Pada akhir-akhir ini, kesihatan mental banyak diperkatakan.

Maka sehubungan itu, usaha-usaha bersepadan kerajaan beta dalam menangani isu-isu kesihatan mental yang semakin meningkat dan membimbangkan, amatlah dialu-alukan. Beta difahamkan, kira-kira seramai 11,000 orang lebih, yang terdiri daripada kanak-kanak hingga dewasa adalah sedang menerima rawatan Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi Klinikal di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh itu, usaha-usaha yang sedia ada perlu dipertingkatkan lagi, supaya isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. Beta mahu, program kesihatan mental secara saintifik dan kerohanian hendaklah diaktifkan melalui pendidikan, terutama pendidikan agama dan dakwah secara berterusan. Inilah antara konsep hijrah, iaitu untuk mengubah atau membaiki perkara-perkara negatif kepada positif.

Di sinilah paksi amalan melalui penghijrahan. Maksud beta, penghijrahan itu elok dilakukan secara bersama, sebagai cara hidup, untuk memperoleh perubahan-perubahan terbaik dalam kehidupan.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat suka cita mengucapkan Selamat Menyambut Ialal Hijrah 1446 kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini, dengan harapan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua berupa keamanan, kesihatan, kesejahteraan dan kemakmuran. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG

Julai MASIHI	HARI	Muharram HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	4	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	KHAMIS	5	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	JUMAAT	6	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
13	SABTU	7	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.37	7.52
14	AHAD	8	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	ISNIN	9	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	SELASA	10	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C Pekan Bangar	29 25 °C 32 24 °C	29 24 °C 31 24 °C
31 25 °C Pekan Tutong	32 24 °C 32 25 °C	31 24 °C 32 25 °C
31 25 °C Kuala Belait	32 24 °C 32 25 °C	32 25 °C 32 25 °C
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیق او له فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan terima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Alishahrin Haji Momin

BANDAR SERI BEGAWAN, Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin (kiri dan kiri sekali).

tahun ini yang mana kerjasama pertahanan di antara kedua buah negara telah mula dimeterai melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada 14 Februari 1992.

Kedua buah negara telah terlibat dalam pelbagai kerjasama dua hala termasuk mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama, latihan ketenteraan bersama, dan program kursus

serta aktif dalam kerjasama pelbagai hala khususnya dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang menegaskan komitmen kedua buah negara terhadap kerjasama keselamatan serantau.

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled dan rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan rasmi selama dua hari mulai 8 hingga 9 Julai 2024.



Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman. Menyertai Menteri Pertahanan Malaysia ialah Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Nur Ezira Mahadi dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pertahanan Malaysia.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menjalinkan hubungan dua hala yang erat dan mesra serta akan melakar detik bersejarah sempena hubungan diplomatik ke-40 tahun pada

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap secara berasingan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang

Terutama John Virgoe dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama John Virgoe yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan kiri).

Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 September 2020.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun yang akan menamatkan perkhidmatan (atas dan kanan).

>> Muka 3

Sementara, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Oktober 2021.

Majlis-majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.



BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERPISAHAN



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Mulia Mrs. Tuti Suwidjiningsih, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam; dan Yang Mulia Madam Kwon Soo Hyun, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam

Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Mulia Mrs. Tuti Suwidjiningsih, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Mulia Mrs. Tuti Suwidjiningsih, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam; dan Yang Mulia Madam Kwon Soo Hyun, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).

Yang Terutama John Virgoe dan Yang Mulia Madam Kwon Soo Hyun, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUKAN




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mencepat kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



262 PEGAWAI, KAKITANGAN KHEU TERIMA P.K.L



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Pingat Kerja Lama (P.K.L) atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77 Tahun bagi 2023 (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 1

Majlis yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga turut menyempurnakan

penyampaian pingat-pingat.

Pengurniaan pingat-pingat kehormatan kepada para penerima dalam kalangan warga kementerian berkenaan merupakan pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping mengenang jasa bakti yang telah

dicurahkan oleh para penerima pingat sepanjang perkhidmatan mereka.

Selain itu, ia juga sebagai motivasi dan penyuntik semangat kepada warga KHEU untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti kerja dengan lebih cemerlang.

Antara kriteria para penerima P.K.L. adalah selain genap 20 tahun perkhidmatan, penerima

juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; memiliki sifat-sifat dan keperibadian yang terpuji serta mempunyai penilaian prestasi yang dinilai sangat baik sepanjang kebelakangan.

Acara berkenaan dikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Strategik dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran, KHEU.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Bersama mengelinga kebajikan, kesejahteraan pesakit memerlukan bantuan



HADIR selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; Yang Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi PJSC; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB (kiri). Manakala gambar kanan, menandatangani MoU bagi pihak YSHHB ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB manakala bagi pihak Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kementerian Kesihatan adalah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan; dan bagi pihak Jabatan Kerja Sosial Perubatan, PJSC, Pengarah Eksekutif, PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen
Pg. Haji Abu Bakar

>> Muka 1

Penempatan Bantuan Peralatan Pesakit Kepada Golongan Yang Memerlukan berkenaan nanti akan berpusat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan PJSC yang merangkumi untuk pesakit di seluruh negara.

Pengurusan Bantuan Peralatan Pesakit berkenaan nanti akan dilaksanakan melalui Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kerja Sosial Perubatan, PJSC berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Bangunan YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengurus PJSC; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad,

selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Majlis Penandatanganan MoU bagi pihak YSHHB ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB manakala menandatangani bagi pihak Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kementerian Kesihatan adalah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; dan bagi pihak Jabatan Kerja Sosial Perubatan, PJSC pula adalah Pengarah Eksekutif, PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar.

Penyerahan penempatan bantuan peralatan pesakit kepada golongan yang memerlukan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di

JPM dan Menteri Pertahanan II manakala menerima bagi pihak Kementerian Kesihatan dan PJSC ialah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyerahkan kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad, bagi pihak Kementerian Kesihatan; dan Dr. Haji Mazrul Adimin bagi pihak PJSC.

YSHHB melalui Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial (PKPS) melaksanakan projek berkenaan dengan tujuan untuk memastikan pengurusan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat diraja baginda akan

dan berterusan kepada baginda dan ahli kerabat diraja baginda selama mana bantuan peralatan pesakit yang disediakan digunakan.

Di samping itu, ia juga dihasrat memberi manfaat kepada para pesakit yang memerlukannya di samping untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada antara YSHHB dengan Kementerian Kesihatan dan PJSC dan untuk melaksanakan pendekatan secara Whole Of Nation dalam mengelinga kebajikan dan kesejahteraan para pesakit yang memerlukan bantuan khususnya dalam kalangan pesakit atau keluarga pesakit yang tidak / kurang berkemampuan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB, Kementerian Kesihatan dan PJSC.

15 ANAK DAMIT LAHIR 1 MUHARAM



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Juga hadir selaku tetamu-tetamu khas, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan isteri.

Pemberian hadiah untuk anak-anak damit yang diraikan disempurnakan oleh tetamu-tetamu khas iaitu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan isteri, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Manakala Yang Berhormat

Menyertai di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Akaun Si Manja bernilai BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar bernilai BND300 bagi penyertaan Takaful Nur Savings dan 'Gym Mat'.

Anak-anak damit yang lahir pada 1 Muharam 1446 Hijrah juga menerima hadiah berupa barang anak damit bernilai BND200 dan buku ugama daripada KHEU.

Tahun ini, seramai 15 anak damit dilahirkan pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah

1446, iaitu anak yang lahir bermula masuk waktu Maghrib, 1 Muharam hingga berakhirnya waktu Asar, 1 Muharam 1446 Hijrah.

Di Daerah Brunei dan Muara, sembilan anak damit lelaki dan enam anak damit perempuan telah dilahirkan di Pusat Perempuan dan Kanak-kanak, Hospital RIPAS manakala tiada kelahiran di Daerah Belait.

Anak damit pertama yang lahir pada 1 Muharam 1446 pada pukul 7.43 malam ialah anak damit lelaki seberat 3.400 kilogram, anak kepada pasangan Dayang Asnuur Izzah bin Ahmad dan Awang Muhammad Rarmizi bin Ahmad Mahmud.

Manakala anak damit yang terakhir selepas waktu Asar, 1 Muharam 1446 ialah anak damit lelaki seberat 3.210 kilogram iaitu anak damit kepada pasangan Dayang Risi Latip dan Awang

Nicholas Kamis iaitu pada jam 5.07 petang.

Kelahiran anak-anak damit pada Sambutan Ilal Hijrah ini diraikan dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala

dalam memperingati kedatangan hari yang baik dan bersejarah dalam Islam. Ia juga menjadikan takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir selaku tetamu-tetamu khas dan seterusnya menyampaikan pemberian hadiah kepada anak-anak damit yang diraikan (atas sekali kiri dan kanan, atas, kiri sekali dan kiri).



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)

Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding

Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini

Maklumat Lesen Merandu

Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)

Kelulusan Pendidikan Menengah

Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang berulang

Pengalaman Kerja Swasta

Pengalaman Kerja Beruniform

Pengalaman Bekerja Sendiri

Penempatan Kerja

Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

Kelayakan Profesional

Peperiksaan Kesetiausahaan

Kemahiran Bahasa

Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

Peperiksaan Kerajaan

Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)

Kursus Induksi Perkhidmatan Awam

Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)

Program Pembangunan Eksekutif



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU



100%

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

LAWATAN RASMI MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE NBD



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Pertahanan dan Menteri Pertahanan II mengalu-alukan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dari 8 hingga 9 Julai 2024 (atas dan kanan).

BERAKAS, Selasa, 9 Julai. - Kementerian Pertahanan pagi tadi menerima lawatan rasmi daripada Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 8 hingga 9 Julai 2024.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Pertahanan Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin

Haji Mohd. Yussof dan seterusnya menerima Tabik Hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled kemudiannya mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Pertahanan Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak menyatakan rasa puas hati dengan tahap hubungan pertahanan dan ketenteraan yang kukuh dan terus berkembang

di antara kedua buah negara, mengakui kepentingan untuk meneruskan kerjasama yang ada, dan di samping berbincang mengenai keamanan dan keselamatan serantau dan global.

Lawatan rasmi Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled ke NBD merupakan lawatan yang pertama sejak beliau dilantik sebagai Menteri Pertahanan Malaysia pada Disember 2023 yang lalu.

YANG Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pentadbiran Islam Cabaran Untuk Semua' pada Seminar Antarabangsa MBI Kelantan 2024 (KelMIC'24).

KELANTAN, MALAYSIA, Selasa, 9 Julai. - Mengapakah pentadbiran Islam dianggap cabaran untuk semua? Kerana pentadbiran Islam itu sedang kita dapat seperti sudah tidak berkena lagi kerana diasas oleh pentadbiran bukan Islam. Inilah makanya ia patut diberi perhatian.

Pentadbiran Islam ialah mengelola atau mengurus negara atau kerajaan dengan cara Islam yakni dengan cara yang dikehendaki oleh Islam. Jika cara ini dapat dipenuhi, maka itulah 'Pentadbiran Islam'.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, ketika membentangkan kertas kerja (melalui rakaman video) bertajuk 'Pentadbiran Islam Cabaran Untuk Semua' pada Seminar Antarabangsa MBI Kelantan 2024 (KelMIC'24) yang berlangsung di Grand Riverview Hotel, Kelantan, Malaysia, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, maksud cara yang dikehendaki oleh Islam itu adalah meliputi perkara

Mengelola, mengurus negara, kerajaan dengan cara Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

perkara wajib atau fardu, sunat dan harus.

Contoh perkara wajib atau fardu itu kata Yang Berhormat, ialah seperti belajar ugama, akta atau undang-undang memperuntukkan kanak-kanak mesti bersekolah ugama.

Kata Yang Berhormat lagi, ini berlaku di Negara Brunei Darussalam, di bawah Akta Perintah Pendidikan Wajib Ugama, kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas yang belum baligh adalah dimestikan untuk bersekolah ugama, wajib untuk mendapat pendidikan ugama, demi supaya semua kanak-kanak di Brunei pandai sembahyang dan pandai membaca Al-Quran, kerana hukum pandai membaca Al-Quran adalah Fardu Ain, seperti juga hukum sembahyang. Jika tidak pandai membaca Al-Quran, bagaimana boleh untuk mendirikan sembahyang?

"Inilah satu contoh mudah pentadbiran Islam. Dalam era moden, orang jarang menyedari perkara ini, berbanding mata lebih terbuka kepada pentadbiran ala barat yang tidak menitik beratkan ugama."

"Pentadbiran ugama dianggap membebankan atau tidak mempunyai nilai ekonomi," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, ini berlaku dalam era baharu sehingga kadang-kadang kita terkejut apabila keluar satu-satu statistik mendedahkan ramai

di sekolah atau di pusat pengajian, penuntut atau pelajar yang tidak pandai sembahyang, dalam makna tidak pandai juga membaca Al-Quran.

"Perkara ini pernah saya sebut dalam ucapan dan juga tulisan, bahawa seorang Penolong Pegawai Pelajaran dalam sebuah negeri di negara jiran memberitahu, menurut kajian, 51,000 daripada jumlah seramai 149,000 (kira-kira 34 peratus) pelajar-pelajar Tahun 2 hingga Tahun 6 didapati tidak tahu cara-cara sembahyang dan tidak lancar membaca Al-Fatihah, suatu petanda berlakunya kepincangan pentadbiran," tegas Yang Berhormat.

Bagi kita orang Islam tambah Yang Berhormat lagi, perkara ini bukan isu remeh-tekeh, tetapi isu besar yang menyangkut pertanggungjawaban di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala kelak.

"Siapa sahaja yang mentadbir dari pihak kerajaan atau pemerintah akan ditanya : Mengapakah sampai berlaku terjadi rakyat tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran, mengapa?

"Kalau mengikut Sayyidina 'Umar bin al-Khatthab Radhiallahu 'anhu, bukan mentadbir manusia sahaja yang menjadi kewajipan pemerintah, bahkan mentadbir haiwan juga dikehendaki mesti betul dan sempurna."

"Jika tidak, juga akan ditanya oleh Allah di akhirat kelak. Maka atas dasar inilah Sayyidina 'Umar sampai berkata memperingatkan dirinya :

"Kalau sekiranya binatang bagai tercedera di Iraq kerana jalan yang berlopak-lopak, nescaya Allah akan tanya saya (selaku pemerintah) wilayah Iraq, mengapakah engku tidak baiki jalan yang berlopak-lopak itu, wahai 'Umar?," ujar Yang Berhormat.

Begitu pentadbiran yang dikehendaki oleh Islam dan jika pentadbiran seperti ini wujud berlaku jelas Yang Berhormat, maka Allah akan berkat negeri dan akan berkat segala isi di dalamnya.

Tetapi ini tegas Yang Berhormat, bukan mudah untuk berlaku, kecuali jika pemimpin adil, jika pemimpin pemikir dan jika pemimpin soleh, yang sanggup membawa penderitaan rakyat ke dalam dirinya, bukan memburu keuntungan daripada mereka, maka baharulah dapat diharapkan pentadbiran berjaya.

Pentadbiran Islam itu menurut Yang Berhormat lagi, perlu dilihat sebagai cabaran untuk semua

Tegas Yang Berhormat, kita mahu pentadbiran biarlah benar-benar Islamik, kerana pentadbiran Islam sahaja menjanjikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kerana itu tekan Yang Berhormat, kita mesti berani membuat perubahan, kita betulkan hukum untuk meraih keredaan Allah. Kita bersihkan negeri dengan pentadbiran Islam, pentadbiran yang berpaksikan iman dan takwa.

"Ini jika berlaku, maka Allah berjanji akan menurunkan dan mengeluarkan berkat dari langit dan dari bumi."

"Tidakkah ini prasyarat jelas, jika

kita mentadbir, maka pentadbiran itu dikehendaki berpaksikan iman dan takwa, maka baharulah dapat diharapkan akan menghasilkan keberkatan yang dijanjikan.

"Jika pentadbiran masih mengiktiraf dan membenarkan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang, maka itu, bukan namanya pentadbiran Islam, dan wajar bagi pihak berkenaan menyifatkannya sebagai satu cabaran untuk dibetulkan."

"Di sinilah, baharu akan diketahui sama ada pemimpin yang *ampunya* pentadbiran itu seorang yang berkarsma ataupun tidak, yang mampu ataupun tidak untuk melakukan perubahan-perubahan sukar, demi Islam," ujar Yang Berhormat lagi.

KelMIC'24 menampilkan 12 pembentang kertas kerja menggunakan bahasa pengantar Melayu, Inggeris dan Arab.

Di samping Yang Berhormat Mufti Kerajaan, di antara sarjana yang turut menyampaikan kertas kerja ialah Profesor Dr. Salim Tomothy P. Daniels dari Universiti Hafstra, Hempstead, New York; Profesor Madya Dr. Abdullah Sani Usman dari Ar-Raniry State Islamic Universiti Darussalam, Banda Aceh, Indonesia; dan beberapa ahli akademik dari Malaysia dan Singapura.

Seminar dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

UBD - CITYUHK KUKUHKAN KERJASAMA DALAM BIDANG AKADEMIK, PENYELIDIKAN



BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 9 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan City University of Hong Kong (CityUHK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Pertukaran Pelajar untuk mengesahkan kerjasama akademik kedua-dua universiti. Majlis Menandatangani MoU diadakan di UBD.

Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, manakala bagi pihak CityUHK ialah Presiden

Profesor Freddy Boey.

Turut hadir ialah pengurusan kanan dan kakitangan UBD dan CityUHK.

UBD dan CityUHK pertama kali menandatangani MoU pada Mei 2023 yang memfokuskan kepada kerjasama dalam bidang pemindahan teknologi, pengkomersialan dan pemasaran perniagaan melalui Pertandingan Permulaan HK Tech 300 Asia Tenggara.

Perkongsian berkenaan membawa hasil yang positif,

UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) dan City University of Hong Kong (CityUHK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Pertukaran Pelajar. Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, manakala bagi pihak CityUHK ialah Presiden Profesor Freddy Boey (kiri). Sementara gambar kanan, suasana pada Majlis Menandatangani MoU yang berlangsung di UBD.

termasuk pelajar diberikan akses kepada program Sarjana eksklusif City University of Hong Kong (MSc Venture Creation) dan penggunaan amalan terbaik untuk pendidikan keusahawanan dan inovasi.

Dalam MoU dan Perjanjian Pertukaran Pelajar berkenaan, kedua-dua institusi akan mengukuhkan kerjasama akademik dan penyelidikan dalam bidang yang berbeza bagi kepentingan bersama.

Dengan termeterainya MoU dan Perjanjian Pertukaran Pelajar tersebut, UBD akan mula menghantar para pelajar untuk program Discovery Year mereka.

UBD juga bersedia untuk menerima pelajar CityUHK untuk Program Pertukaran Semesternya.

Selepas menandatangani MoU

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



dan Perjanjian Pertukaran Pelajar, delegasi CityUHK meninjau beberapa kemudahan makmal di kampus dan mereka juga diberikan taklimat mengenai pelbagai aktiviti penyelidikan dan pendidikan yang dijalankan.

Delegasi berkenaan turut membuat lawatan ke Pusat Penyelidikan Botani UBD (UBD Botanical Research Centre-UBD BRC), dibimbing oleh Pengarah Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam

Sekitar (IBER), UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha.

CityUHK disenaraikan dalam 62 universiti terbaik dan 82 terbaik di dunia dalam kedua-dua Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2025 dan Times Higher Education (THE) World University Rankings 2024.

Di Asia, universiti berkenaan berada di kedudukan ke-14 dan universiti terbaik ke-15 dalam kedudukan terkini QS dan THE Asia University.

Kes kemalangan menunjukkan penurunan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) ingin mengongsikan perkembangan mengenai Statistik Kemalangan Jalan Raya dari 2020 sehingga 2023 serta beberapa inisiatif yang dilaksanakan ke arah peningkatan keselamatan jalan raya.

Rajah menunjukkan pada 2020, jumlah kes kemalangan yang direkodkan adalah sebanyak 3,986 dengan 11 daripadanya melibatkan kehilangan nyawa. Manakala bagi 2021, jumlah kes kemalangan menunjukkan penurunan yang telah direkodkan, iaitu sebanyak 3,104 dengan 16 daripada kes kemalangan melibatkan kehilangan nyawa.

Sementara pada 2022 pula, jumlah kes kemalangan menurun

yang telah direkodkan ialah sejumlah 2,131 tetapi terdapat peningkatan jumlah yang melibatkan kehilangan nyawa seramai 20 mangsa.

Seterusnya pada 2023, jumlah kes kemalangan yang direkodkan menunjukkan penurunan kepada 1,986, manakala terdapat penurunan kes kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa, iaitu sejumlah 14 mangsa.

Rajah menunjukkan dari 2020 hingga 2023, peringkat umur yang tertinggi terlibat dengan kemalangan jalan raya sehingga mengakibatkan kecederaan adalah di antara umur 18 hingga 38 tahun diikuti dengan peringkat umur di antara 39 hingga 58 tahun, dan seterusnya peringkat umur di antara 39 hingga 58 tahun.

Rajah juga menunjukkan peningkatan bagi keseluruhan kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan dari

setahun ke setahun.


Rajah menunjukkan setiap tahun dari 2020 hingga 2023, kaum lelaki lebih ramai terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan juga kehilangan nyawa berbanding kaum wanita.

MKKJR serta pihak-pihak berwajib telah mengenal pasti di antara punca kes yang melibatkan kehilangan nyawa antaranya ialah tidak menumpukan perhatian sepenuhnya ketika memandu dan juga tidak mematuhi peraturan lalu lintas jalan raya seperti memandu lebih daripada had laju, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, tidak berhenti ketika lampu isyarat merah dan tidak menggunakan tali pinggang keselamatan.

MKKJR sentiasa mengayuhkan pelbagai inisiatif yang berterusan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keselamatan jalan raya ke arah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Dalam hal ini, pihak MKKJR dengan kerjasama berterusan daripada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan persatuan-persatuan yang berkaitan akan terus mengadakan program-program dan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, antaranya adalah termasuk mengadakan Jerayawara Keselamatan Jalan Raya, operasi-operasi sepadu, sekatan-sekatan jalan raya; memberi Taklimat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya melibatkan sektor kerajaan dan juga swasta serta sekolah-sekolah; mengadakan Malam Munajat, Solat Hajat, Ratib Al-Attas dan membaca Surah Yaa Siin untuk memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi mendapatkan keberkatan serta menghindari kemalangan jalan raya daripada berlaku; dan pembarigaan, wawancara mengenai kepentingan keselamatan jalan raya sama ada

STATISTIK KEMALANGAN JALAN RAYA TAHUN 2020 - 2023



Rajah 1

Rajah 1 memaparkan perangkaan Kemalangan Jalan Raya secara keseluruhan bagi tempoh empat (4) tahun kebelakangan dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 termasuk kemalangan mengakibatkan kehilangan nyawa (fatal).


STATISTIK KEMALANGAN JALAN RAYA MENGAKIBATKAN KECEDERAAN DAN MENGIKUT KATEGORI UMUR BAGI TAHUN 2020 - 2023



Rajah 2

Rajah 2 memaparkan perangkaan kemalangan jalan raya melibatkan kecederaan mengikut pecahan peringkat umur bagi tempoh empat (4) tahun kebelakangan dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 mengikut kategori umur.

STATISTIK KEMALANGAN JALAN RAYA MENGIKUT KATEGORI JANTINA TAHUN 2020 - 2023



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan perangkaan Kemalangan Jalan Raya mengikut kategori jantina bagi tempoh empat (4) tahun kebelakangan.

melalui media massa, media sosial dan juga media cetak termasuk penyampaian melalui Khutbah Jumaat.

Komitmen serta usaha keras yang berterusan oleh semua pihak sama ada sektor kerajaan, swasta juga orang ramai ke arah meningkatkan tahap keselamatan jalan raya amatlah diperlukan.

MKKJR melalui agensi-agensi penguatkuasa, peraturan

undang-undang jalan raya sekali lagi menekankan kepentingan bagi semua pengguna jalan raya, khususnya para pemandu dan pengguna jalan raya lain untuk sentiasa meningkatkan kewaspadaan, mematuhi undang-undang dan peraturan-jurutera jalan raya serta sentiasa bertanggungjawab dalam sama-sama meningkatkan keselamatan jalan raya.

SMMH SERTAI PROGRAM SEKOLAH BERKEMBAR DI SINGAPURA



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belseyar kepada para pelajar berserta pengetua dan dua orang guru sekolah berkenaan yang akan mengadakan lawatan ke Monfort Secondary School, Republik Singapura.

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras lawatan delegasi Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH) yang terdiri daripada 12 pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 berserta pengetua dan dua orang guru sekolah berkenaan ke Montfort

Secondary School (MSS), Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari bermula 9 hingga 13 Julai 2024 tersebut merupakan Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi

mengucapkan selamat belseyar ialah Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Program Sekolah Berkembar NBD dan Republik Singapura pada tahun ini adalah pusingan kedua diadakan di mana pusingan pertama telah diadakan pada tahun 2018 hingga tahun 2019.

Lawatan diharap akan dapat meningkatkan lagi hubungan

erat dan kerjasama yang sedia ada antara NBD dan Republik Singapura.

Semasa lawatan itu nanti, para pelajar akan berpeluang untuk menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah tersebut, selain berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman dengan mengikuti sesi pembelajaran serta aktiviti kokurikulum bersama rakan-

rakan pelajar dari MSS.

Di samping itu, para pelajar juga akan berkesempatan untuk melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah di Singapura bagi mempelajari sejarah dan kebudayaan di sana.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, pegawai-pegawai dari JSS, Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga pelajar.

MINDA PEMBACA

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama

KESELAMATAN jalan raya merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama penuh dari pelbagai pihak, termasuk pemandu, penumpang, penunggang basikal, dan pejalan kaki. Setiap individu memainkan peranan yang penting dalam memastikan jalan raya selamat digunakan bagi semua.

Pemandu, sebagai pengguna utama jalan raya, perlu mematuhi undang-undang lalu lintas, seperti had laju yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, memakai tali pinggang keledar sepanjang waktu memandu, dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Tidak hanya itu, pemandu

haruslah juga sentiasa bersikap waspada dan timbang rasa. Ini adalah kerana, sikap berhati-hati dan cekap di jalan raya ini boleh mengurangkan risiko kemalangan.

Penumpang juga perlu memainkan peranan dengan sentiasa memakai tali pinggang keledar dan tidak mengganggu pemandu, sebagai contoh, dengan mengurangkan suara radio dalam kenderaan dan menghindari pergaduhan atau perbuatan yang boleh mengalihkan perhatian pemandu. Kerana ini boleh menyebabkan kemalangan. Selain itu, mereka juga harus memberi peringatan kepada pemandu jika berlaku sebarang tingkah laku berbahaya yang mereka

mungkin lakukan semasa memandu.

Penunggang basikal perlu memastikan basikal mereka dalam keadaan baik dan mematuhi peraturan jalan raya. Mereka harus memakai topi keledar dan menggunakan lampu basikal yang berpatutan pada waktu malam. Berada di lorong yang ditetapkan dan memberi isyarat dengan jelas semasa menukar arah juga adalah penting untuk mengelakkan kemalangan.

Pejalan kaki pula harus menggunakan lintasan yang disediakan dan mematuhi isyarat lalu lintas untuk mengelakkan kemalangan. Contohnya, semasa melintas jalan di zebra-crossing, pejalan kaki harus menunggu sehingga lampu

isyarat pejalan kaki berwarna hijau sebelum melintas. Jika tidak ada lampu isyarat, mereka perlu memastikan keadaan selamat dengan melihat kiri dan kanan sebelum melintas. Di samping itu, menggunakan jeantas juga adalah pilihan yang lebih selamat untuk mengelakkan risiko kemalangan.

Kesimpulannya, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama semua pihak. Dengan sikap yang betul dan mematuhi peraturan, kita dapat memastikan jalan raya yang lebih selamat untuk semua.

**Nama : Bashirah Puteri binti Mangsor
No. K/P : 01-115XXX**

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024
- 'Cara-Cara Menghindari Penyalahgunaan Dadah'. Tarikh Tutup : 17 Julai 2024
- 'Penerapan Pendidikan Undang-undang di Sekolah Rendah'. Tarikh Tutup : 24 Julai 2024

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pupuk sikap suka menabung, berhemat



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Segenap lapisan masyarakat perlu berjimat cermat untuk memastikan mereka memupuk gaya hidup berhemat berkait rapat dengan sifat berjimat cermat dan tidak membazir, iaitu mengikut keperluan dan kemampuan diri sendiri, keluarga dan bukan semata-mata didasari oleh kemahuan dan keinginan semata-mata.

Individu atau pengguna yang sentiasa berjimat cermat dan

mengambil berat untuk menabung, menyimpan atau melabur adalah pengguna yang bijak menguruskan perbelanjaan dengan baik mengikut kemampuan.

Tetapi malangnya, masyarakat di negara kita masih ramai yang suka berbelanja melebihi kemampuan lebih-lebih lagi ketika musim-musim perayaan.

Sikap berbelanja mengikut hawa nafsu dalam kalangan masyarakat kita sepertinya susah hendak dikikis apa lagi untuk dibendung kerana

DANA simpanan dapat membantu kita apabila menghadapi situasi kecemasan atau keperluan yang mendesak.

mereka menganggap musim jualan murah inilah mereka perlu berbelanja apa saja.

Akhirnya mengundang masalah seperti menanggung hutang dan sebagainya apa lagi dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Menyentuh mengenai amalan budaya menabung atau tabiat berbelanja berhemat, ia hendaklah diterapkan dari peringkat awal lagi dalam kalangan generasi muda terutama sekali generasi kanak-kanak.

Sudah menjadi tanggungjawab terutama sekali bagi ketua-ketua keluarga untuk mempersiapkan dana simpanan untuk keperluan diri ataupun berhutang, bak kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Ini dapat membantu kita apabila menghadapi situasi kecemasan

AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

PAMERAN MANIK : 1000 TAHUN
18 MEI - 18 OGOS 2024
RUANG LEGAR, MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

SIRI ARKEOLOGI
25 MEI, 29 JUN & 6 JULAI 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

KENALI ARKEOLOGI
23 & 29 MEI, 20 & 27 JUN, 6 & 25 JULAI & 1 OGOS 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

www.museums.gov.bn

Jabatanmuziummuzeumbrunei Jabatan Muzeum-Muzium Brunei JabatanMuziumBrunei

■ Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

atau keperluan yang mendesak, seperti perbelanjaan bagi masalah kesihatan, tanpa perlu meminta bantuan dari orang lain ataupun berhutang, bak kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Dalam konteks ini, para ibu

bapa perlu memainkan peranan penting untuk memupuk sikap suka menabung kepada anak-anak sejak dari kecil lagi dan mereka harus menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan perbelanjaan yang berhemat dan sikap suka menabung.

FILEM PENDEK UBD AKAN DITAYANGKAN DI MFF SARAWAK



■ Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semasa Discovery Year menyatakan, "Sesi khas ini memberikan gambaran unik tentang bagaimana kita, sebagai rakyat Brunei, memahami dan melibatkan diri dengan dunia di sekeliling kita".


"Tambahkan pula, saya berhasrat untuk menonjolkan pencapaian pengarah wanita, walaupun berdepan cabaran, mampu mencipta cerita yang inovatif dan menarik," tambahnya.

Menguyung Masa (UBD) dan Withering (UBD) telah ditayangkan di Tayangan Penggal UBD-FASS Ke-5 pada April 2023, manakala 9 Waqaf (UNISSA) dan Love's Detour : From Crush to Crash (UBD) ditayangkan di Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-6 pada November 2023 yang lalu.

Menurut akhbar tempatan New Sarawak Tribune, Pengarah Festival Filem Mini, Yow Chong Lee (UNIMAS) berkata kategori Filem Borneo akan menghubungkan beberapa pembuat filem dengan orang kreatif di Sarawak, Sabah, Negara Brunei Darussalam, dan Kalimantan.

Pelajar-pelajar DCI iaitu Dzul Iskandar dan Ridhwan Sabri akan berlepas ke Kuching, Malaysia, untuk bertemu pembuat filem tempatan dan Kalimantan, serta berkongsi pengalaman kreatif dengan mereka dan penonton tempatan di Sarawak di bawah tajaan pengajur MFF.

Tema 'SEarch' mencerminkan komitmen MFF yang tidak berbelah bahagi untuk terus meneroka cara paling berkesan untuk menyatukan pembuat filem, artis, filem dan penonton. Sejak penubuhannya, festival ini bekerja keras untuk menonjolkan pembuat filem dan artis yang akan datang.



ANTARA filem pendek tempatan yang terpilih untuk ditayangkan pada 18 Julai 2024, di Space 2, La Promenade Mall, Kota Samarahan, Sarawak semasa festival itu nanti (atas dan atas kiri).

Disokong oleh Majlis Seni Sarawak (MSS) dan FINAS, Festival Filem Mini itu dianjurkan oleh Program Sinematografi Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Festival itu akan berlangsung di La

Promenade Mall, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia, dari 18 hingga 21 Julai 2024, dan terbuka kepada orang ramai.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang festival di <https://bit.ly/MFFxMAF>.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Empat filem pendek yang dihasilkan oleh pelajar Design and Creative Industries (DCI), Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan ditayangkan di Festival Filem Mini (MFF) Ke-20 di Sarawak, Malaysia, dalam program khas : 'Through Bruneian Eyes : Films that Speak Our Stories'.

Buat julung kalinya, Edisi Festival Filem Mini Ke-20 x Festival Seni Mini di Sarawak, Malaysia yang merupakan festival filem pendek paling lama di negara ini akan menampilkan Kategori Filem Borneo.

Di bawah program khas yang disusun rapi - Through Bruneian Eyes : Films that Speak Our Stories - sebanyak empat filem pendek yang dibuat oleh pelajar

UBD DCI, antara sejumlah tujuh filem pendek tempatan, telah dipilih untuk ditayangkan dari jam 2 hingga 4 petang pada 18 Julai 2024, di Space 2, La Promenade Mall, Kota Samarahan, Sarawak semasa festival itu nanti.

Antara tujuh filem pendek tersebut ialah 9 Waqaf oleh Haziq Aniq, Iyaan Wears a Hat oleh Natasya Jazmeena, Jasa oleh Azhar Khir, Love's Detour : From Crush to Crash oleh Dzul Iskandar, Menguyung Masa oleh Ridhwan Sabri, Nota oleh Adlina Tunggal dan Withering oleh Afifah Ali.

Diprogramkan oleh pembuat filem tempatan yang berwawasan iaitu Tara Esa, pelajar senior DCI yang sedang belajar di

IRSYAD HUKUM
جایات مفتی کل جان
جایات مفتی کل جان
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SETIAP manusia memerlukan tidur yang cukup untuk mengekalkan kesihatan dan mengistirahatkan diri. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Tafsirnya: Dan Kami telah (menjadikan) tidur kamu untuk beristirahat.

(Surah an-Naba': 9)

Lazimnya, tidur merupakan perbuatan penutup pada penghujung hari setelah penat lelah bekerja sepanjang siang. Meski begitu, rasa letih pada siang hari tidak sepertutnya menjadi sebab seorang muslim itu meninggalkan adab-adab sebelum tidur kerana selain mendapat ganjaran pahala, keredaan dan keberkatan daripada Allah Ta'ala dengan mengamalkan adab-adab sebelum tidur tersebut, ia juga boleh membantu seseorang itu untuk mendapatkan tidur yang lebih sempurna.

Maka ruangan Irsyad Hukum kali ini akan membawakan mengenai beberapa adab sebelum tidur berserta kelebihannya.

Adab Sebelum Tidur

Adab Sebelum Tidur Dan Kelebihannya

Beberapa kitab muktabar seperti kitab Bidayah al-Hidayah, kitab Ihya 'Ulum ad-Din, kitab al-Adzkar dan kitab al-Adab al-Mufrad ada menyebut mengenai adab sebelum tidur yang apabila diamalkan boleh mendatangkan kebaikan tertentu. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Berwudhu'.

Dalam sebuah hadits daripada al-Bar'i bin 'Azib Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Jika engkau hendak datang (tidur) ke tempat perbaringanmu, maka berwudhu'lah (seperti) wudhu'mu untuk sembahyang.

(Hadits riwayat Muslim)

Berwudhu' sebelum tidur disunatkan juga bagi orang yang berada dalam keadaan junub sebagaimana hadits daripada Sayyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha, beliau berkata:

Maksudnya: Adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam jika berada dalam keadaan junub lalu Baginda hendak tidur, Baginda akan berwudhu' ataupun bertayammum.

(Hadits riwayat al-Baihaqi)

Berlainan pula hukumnya bagi perempuan haidh dan nifas. Mereka tidak disunatkan berwudhu' sebelum tidur kerana wudhu' itu tidak memberi kesan pada hadats mereka. Namun, apabila darah haidh dan nifas mereka sudah berhenti, disunatkan mereka berwudhu' sebelum tidur sekalipun mereka belum mandi wajib.

Hikmah disunatkan berwudhu' sebelum tidur ini banyak disebut oleh para ulama, antaranya:

- (1) Jika seseorang yang berwudhu' itu meninggal dunia pada malam tersebut, dia dalam keadaan suci.
- (2) Supaya mendapat mimpi yang benar serta dijauhkan daripada gangguan syaitan dan ditakut-takutkan olehnya ketika tidur.
- (3) Jika dia seorang yang berjunub, wudhu' itu akan meringankan hadats, kerana wudhu' itu mengangkat hadats daripada anggota-anggota wudhu'.
- (4) Para malaikat akan menghampiri orang yang berwudhu' sedangkan syaitan akan menjauhkan diri daripadanya.

Adapun sebelum berwudhu', disunatkan untuk bersiwak sebagaimana hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Jika tidak memberatkan umatku nescaya aku akan perintahkan mereka untuk bersiwak setiap kali wudhu'.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

2. Mengibas tempat tidur.

Perbuatan mengibas tempat tidur ini sunat dilakukan sebanyak tiga kali dengan menggunakan benda seperti kain atau pakaian dan disertai dengan membaca basmalah dan doa. Dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Jika seorang daripada kamu pergi ke tempat tidurnya, maka hendaklah dia mengambil (memegang) bahagian dalam (hujung) kainnya lalu mengibas tempat tidurnya menggunakan kain tersebut, dan hendaklah dia menyebut nama Allah (membaca basmalah), kerana sesungguhnya dia tidak mengetahui apa yang terjadi pada tempat tidurnya selepas (dia meninggalkan)nya.

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam hadits yang lain pula daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Jika seorang daripada kamu datang ke tempat tidurnya, maka hendaklah dia mengibasnya (tempat tidur) dengan menggunakan hujung pakaianya sebanyak tiga kali dan hendaklah dia berkata: "Dengan namaMu Jwahai(Tuhanku aku meletakkan lambungku dan dengan namaMu (juga) aku mengangkatnya. Jika Engkau menahan (mengambil) nyawaku, maka ampunkanlah ia, dan jika Engkau melepaskaninya (mengembalikannya semula kepadaaku), maka peliharalah ia sebagaimana Engkau memelihara dengannya hamba-hambaMu yang saleh."

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim berkata bahawa "api" yang dilarang untuk dibiarkan menyalah ketika tidur itu adalah umum termasuk juga api pelita dan selainnya. Adapun lampu lilin yang bergantung di masjid-masjid dan selain masjid jika dikhatati terjadi kebakaran berpunca daripadanya, maka ia juga termasuk dalam perintah untuk dipadamkan. Sebaliknya, jika kebiasaannya aman daripada terjadi kebakaran, maka tidak mengapa membiarkannya menyalah.

mengibas tempat tidur sebelum berbaring agar tidak ada pada tempat tidur itu sesuatu yang boleh menyakiti seperti ular, kala jengking atau selain daripada keduanya. Manakala perintah untuk mengibas tempat tidur dengan tangan tertutup oleh hujung kain itu pula adalah supaya tidak terjadi pada tangan perkara yang tidak diingini sekitarnya terdapat di situ sesuatu yang boleh menyakiti.

3. Memadamkan api atau lampu.

Dalam sebuah hadits daripada 'Abdullah bin 'Umar Radhiallahu 'anhuma, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Jangan kamu biarkan api (menyalah) di rumah-rumah kamu ketika kamu tidur.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadits yang lain pula daripada Jabir bin 'Abdullah Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Dan kamu padamlah lampu-lampu (pelita) ketika tidur kerana sesungguhnya tikus mungkin menarik sumbu (pelita) sehingga membakar penghuni rumah.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim berkata bahawa "api" yang dilarang untuk dibiarkan menyalah ketika tidur itu adalah umum termasuk juga api pelita dan selainnya. Adapun lampu lilin yang bergantung di masjid-masjid dan selain masjid jika dikhatati terjadi kebakaran berpunca daripadanya, maka ia juga termasuk dalam perintah untuk dipadamkan. Sebaliknya, jika kebiasaannya aman daripada terjadi kebakaran, maka tidak mengapa membiarkannya menyalah.

Di samping itu, menurut Muhammad al-Amin al-Harari asy-Syafi'i Rahimahullah iaitu seorang ulama kontemporari dalam kitabnya al-Kaukab al-Wahhaj wa ar-Raudh al-Bahhaj, sebab diperintahkan untuk memadamkan pelita atau api adalah agar selamat daripada kebakaran, pembaziran dan penyu-nyiaan harta. Dalam konteks sekarang, ia bermaksud memadamkan lampu elektrik. Oleh itu, dilarang membiarkan lampu elektrik menyalah jika terjadi penyu-nyiaan harta kecuali jika terdapat keperluan.

Kewajipan rakyat

➤ Mendapat hidayah

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : 'Taalatlah kepada Allah dan taatlah kepada rasul. Jika kamu berpaling (ingkar) maka sesungguhnya kewajipan rasul hanyalah apa yang dibebankan kepadanya dan kewajipan kamu ialah apa yang dibebankan kepada kamu (untuk mentaatinya). Dan jika kamu mentaatinya nescaya kamu mendapat petunjuk dan kewajipan rasul hanyalah menyampaikan (perintah-perintah Allah) dengan nyata'".

(Surah An-Nuur : 54)

➤ Mendapat kebahagiaan

"Kami berfirman lagi : 'Turunlah kamu semua dari syurga itu. Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk daripada-Ku (berupa kitab dan rasul) maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku nescaya tidaklah ada ketakutan atas mereka dan mereka pula tidak akan berduakacita'".

(Surah Al-Baqarah : 38)

➤ Mendapat rahmat

"Dan (Al-Quran) ini ialah kitab yang Kami turunkan (kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) yang diberkati maka ikutlah ia dan bertakwalah supaya kamu dirahmati".

(Surah Al-An'aam : 155)

➤ Mendapat kelapangan dada dan keluasan jiwa

"Maka adakah orang yang Allah telah lapangkan dadanya untuk menerima Islam lalu dia tetap berada dalam cahaya (hidayah) daripada Tuhaninya (sama seperti orang yang tertutup mata hatinya dengan kederhakaan)? Maka celakalah bagi mereka yang keras hatinya daripada menerima peringatan Allah. Mereka itu berada dalam kesesatan yang nyata".

(Surah Az-Zumar : 22)

➤ Mendapat keampunan serta doa dan

istighfar dari malaikat

"(Malaikat-malaikat) yang memikul 'Arasy dan yang berada di sekelilingnya, bertasbih dengan memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya serta memohonkan ampun bagi orang-orang yang beriman (dengan berdoa) : 'Ya Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu maka ampunilah orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan peliharalah mereka daripada azab Neraka Jahim'.

"Ya Tuhan Kami! Dan masukkanlah mereka ke dalam Syurga-syurga 'Adn yang Engkau telah janjikan kepada mereka bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amalan salih daripada bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka, dan isteri-isteri mereka serta zuriat-zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau lahir yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

(Surah Ghafir : 7-8)

➤ Mendapat ganjaran yang besar

"(laitu) orang-orang yang mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya sesudah mereka mendapat cedera (dalam perang Uhud). Bagi orang-orang yang berbuat baik antara mereka dan orang-orang yang bertakwa ada ganjaran pahala yang besar".

(Surah Ali 'Imran : 172)

NBD di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, dengan kepimpinan baginda, kemajuan dan pembangunan negara dalam semua aspek yang meliputi ekonomi, pendidikan, infrastruktur, perumahan, kemasyarakatan, kesihatan, kesejahteraan telah dapat dikecapi oleh seluruh lapisan masyarakat. Ini termasuklah aspek keagamaan yang sentiasa baginda titikberatkan sebagai paksi pembangunan negara ke arah menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir yang bersendikan ajaran-ajaran Islam.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولأن فوسة دعوه اسلاميه

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya".

(Surah An-Nisa' : 59)

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) adalah sebuah negara yang sangat beruntung dan istimewa kerana dikurniakan seorang pemimpin yang adil laila bijaksana iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat mengasihi seluruh lapisan rakyat dan penduduk tanpa mengira bangsa dan agama.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini, sudah menjadi tanggungjawab untuk sentiasa taat setia, patuh dan menjunjung titah perintah baginda. Taat dan patuh kepada pemimpin mempunyai pengertian yang sangat luas dan ianya tidak terhad dengan mematuhi segala perintah dan arahan yang diberikan secara lisan tetapi juga ketaatan yang dimaksudkan

• Menjaga agama dan syariat
Mentaati pemimpin dengan berlandaskan Islam membolehkan seseorang menjauhkan diri daripada melakukan maksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus dapat menjaga agama dan syariat. Mengutamakan agama adalah lebih baik apabila menghadapi pelbagai ancaman terhadap jiwa dan agama. Umat Islam dididik supaya bersabar dalam menjaga agama dan melaksanakan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

• Menarik manfaat dan menolak mudarat

Mentaati pemerintah berlandaskan syariat dapat mendatangkan banyak kebaikan kepada umat Islam di antaranya ialah :

دعا ممohen كقد الله سقايي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس پاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۔

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۔

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۔

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
آخْتَنَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِنِيَّتِنَا الْعِزَّةُ وَالْجَبَرُوتُ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرْصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۔

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نُوْمًّا فَإِنَّ السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي دِينٍ يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ
وَلَا يَجِدُونَ شَيْئًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعَ كُرْسِيهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٢٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacakan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُفَضِّلُ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتَنْالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaillah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي،
فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampuniilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعْ مباوا كبرا ونتوغن ساعثت بسر كقد قتعملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَمْيُ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

IKLAN



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 06 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Repair And Renovation Works To
Government Rest House
Kampung Rambai Tutong, Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :
Rabu,
24 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023
/ T / TUT / 003 [JPPK / LTN / 13 /
2023]

Renovation Of Swimming Pool
System And Infrastructure, Tutong
Camp

Tarikh Mula Tawaran:
9 Julai 2024

Kelas:
III dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran
adalah seminggu sebelum tarikh
tutup tawaran,
iaitu Selasa, 30 Julai 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Ogos 2024
2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan Belia
dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran
'Tender Notice'

Bilangan Sebut Harga :
07 / 2024 / KKBS / PPB / 03

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal 36 Bulan
Pembekalan dan Penghantaran
Bahan Latihan Bagi Kursus Terapi
Kecantikan,
Putus Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan.

Tarikh Tutup :
Khamis, 18 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
The Provision Of Airport Runway
Sweeper Lease With Operator
At Brunei International Airport
JPA / AME / 2023-2024 / 03 /
LEASE / R

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tender:
10 Julai 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tender:
19 Ogos 2024,
Isnin
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tender:
20 Ogos 2024,
Selasa
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Jawatankuasa Sebut
harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Supply Of Monthly Subscription
Portable Wi-Fi (100 GB) Duration
Of 5 Years
ATELS / 2024 / SH-14

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
10 Julai 2024,
hari Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
23 Julai 2024,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 Julai 2024,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut
harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemberong-
Pemberong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
KA01 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 023 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-kerja
Pembinaan Paip Boroc (Inlet and
Outlet Paip)
ke Tangki-Tangki Zone A, Daerah
Brunei dan Muara, Negara Brunei
Darussalam selama 24 Bulan.

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
II sahaja

Kategori :
KA01 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 024 / 2024

Nama Projek:
Kerja-kerja Pembinaan Paip Boroc
Berdekatan Peringkat 7 Stesen
Pam Air Bersih,
LRA Bukit Barun, Tutong

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
KA01 & M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 025 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-kerja
Pemeliharaan Ke atas Booster
Domestik
Di Bangunan Kerajaan Daerah
Brunei Muara, Tutong dan
Temburong

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa, 23 Julai 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Ogos 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 143 / 2024 / ESTETMOH (TC)

Keterangan :
Three(3) Years Term Contract
For Comprehensive Maintenance
And Repair Of Compressed Air
And Associated Accessories At
Department Of Scientific, Ministry
Of Health

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**

Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Jabatan Bomba
dan Penyelamat, Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**

Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Jabatan Bomba
dan Penyelamat, Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 147 / 2024 / TUT (TC)

Keterangan:

The Provision Of Laundry Services
For Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee
Billah (PMMPMHAMB) Hospital
Tutong For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 144 / 2024 / UPP

Keterangan :
Supply And Delivery Of Medical
Item (Istent Inject W T 360 µm
Traecular - Micro-By Pass System)
For Eye Centre, Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
Hospital

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 145 / 2024 / SSBH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Manpower For
Manning All Facilities At Suri Seri
Begawan Hospital, Kuala Belait For
A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 146 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Provision Of Maintenance Services
For Fire Alarm System, Carbon
Dioxide [CO₂] Fire Suppression



**Sebut Harga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian Kursus
Modular
Dan Signature Programme Bagi
Tahun Kewangan 2024 / 2025**

**1. DA / JKSH / 41 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Junior Executive Programme
Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Building Communication
Confidence

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**2. DA / JKSH / 42 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Junior Executive Programme
Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Strategic Thinking

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**3. DA / JKSH / 43 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Middle Executive Programme

Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :

Power Of Organisational
Communication

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**4. DA / JKSH / 44 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Middle Executive Programme

Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :

Strategic Organisational
Development And Transformation

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**5. DA / JKSH / 45 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Modular Programme

Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :

Contract Administrator Course

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**6. DA / JKSH / 46 / 2024 / 2025
[HRD-JULAI-2024]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus
Junior Executive Programme

Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :

Strategic Thinking

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran 1

To Supply And Install Of New
Residential Electrical
Wiring And Distribution System At
House No. 21, Spg. 86,
Jln. Utama Berakas. Brunei
International Airport.
AME / 2024-2025 / SH-22
(Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran 2

Kerja-Kerja Pemotongan Serta
Pembersihan Rumput Longkang
Dan Pokok Di Kawasan
Perumahan Bomba, DCA,
Kawasan Laluan Kenderaan
Bomba Hujung Landasan Dan
21 Kawasan Hujung Landasan
Approach Light 03 Jabatan
Penerbangan Awam Bagi Tempoh
24 Bulan
AME / 2024-2025 / SH-39
(Kelas I dan II)

Tarikh Iklan / Mengambil

Dokumen Tawaran:

10 Julai 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

23 Julai 2024, Selasa

Tarikh Tutup Tawaran:

24 Julai 2024, Rabu

Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut
harga d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:

01 / JULAI / 2024 /
KKBS / PR

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Menghantar
Barang Kamera Dan Peralatan
Video

Tarikh Tutup :

Khamis,

25 Julai 2024

Tidak lewat Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:

MFA / PENT /
03 / 2024

Tajuk Tawaran :

Membekal Dan Menghantar
Pelbagai Ink Dan Toner
Untuk Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri

Tarikh Tutup :

Selasa, 16 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمـنـتـرـيـنـ كـصـيـحـتـنـ
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

Tatacara pendaftaran Laman Web WHP



Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Laman Web WHP direka untuk penjawat awam menjalani kursus dalam talian bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan mereka dalam gaya hidup sihat, mempromosikan kesihatan dan pencegahan penyakit di tempat kerja.

Tatacara pendaftaran bagi mengikuti kursus dalam talian Laman Web WHP adalah seperti berikut.

Orang ramai bolehlah mendaftar melalui Laman Web WHP dengan menaip pautan whp.gov.bn dan mendaftar menggunakan e-mel kerajaan awda.

Kemudian, awda hendaklah melengkapkan kesemua empat modul kesihatan iaitu Pemakanan Sihat, Kesihatan Mental, Pencegahan Penggunaan Tembakau dan Kegiatan Fizikal Di Tempat Kerja.

Setiap modul-modul kesihatan mengandungi pra dan pasca soal selidik, video dan juga kuiz. Jika lulus, awda berpeluang untuk mendapat borang cabutan bertuah dan sijil dalam talian.

Awda boleh menyertai dan mendapatkan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik dari Program WAH dengan mengikuti kursus-kursus dalam talian (mengikut rentak kelajuan mereka sendiri).

Awda juga akan menerima sijil kursus dalam talian jika lengkap dan lulus modul yang dijalankan dan juga boleh membuat kaji selidik bagi penambahbaikan Laman Web WHP kami.

Sebarang makluman, awda boleh ikuti perkembangan terkini melalui media sosial Program WAH di Instagram (@wah_heal), Facebook (WAH & HEAL Programme) dan saluran Telegram (t.me/WAHprogramme).

Bagi sebarang pertanyaan, hubungi Focal Program WAH bagi kementerian masing-masing atau hubungi kami melalui e-mel wah.heal@moh.gov.bn atau melalui talian +673 238 4442 semasa waktu bekerja.

AWDA boleh menyertai dan mendapatkan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik dari Program WAH dengan mengikuti kursus-kursus dalam talian (mengikut rentak kelajuan mereka sendiri).

Awda juga akan menerima sijil kursus dalam talian jika lengkap dan lulus modul yang dijalankan dan juga boleh membuat kaji selidik bagi penambahbaikan Laman Web WHP kami.

KAJIAN TENAGA KERJA 2024 BERMULA 14 OKTOBER 2024

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

جایان فرانجنهن ایکوئونی دلن سٹاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KAJIAN TENAGA KERJA 2024

PENYENARAIAH TEMPAT KEDIAMAN (HOUSELISTING) 1 - 21 JULAI 2024

Tujuan

- Untuk menghasilkan pangkalan data yang komprehensif dan terkini bagi kegunaan Kajian Tenaga Kerja (KTK) yang akan dijalankan pada 14 Oktober hingga 10 November 2024.

Maklumat yang diperlukan

- Nama ketua keluarga/islurumah
- Jumlah ahli islurumah
- Alamat tempat kediaman
- Nombor telefon ketua keluarga/islurumah yang tinggal di rumah yang terpilih.

Peringatan

- Kajian Tenaga Kerja dijalankan di bawah **Akta Perangkaan, Penggal 81** dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak **BND4,000 dibawah Seksyen 9 Akta Perangkaan**.



info.statistics@jpes.gov.bn | statistics.jpes | https://deps.mofe.gov.bn

KAJIAN TENAGA KERJA 2024

جایان فرانجنهن ایکوئونی دلن سٹاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENYENARAIAH TEMPAT KEDIAMAN (HOUSELISTING) 1 - 21 JULAI 2024

Bagaimana Mengenal Pasti Pegawai Kajian



Pegawai Kajian yang dilantik oleh JPES boleh dikenal pasti melalui pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES.

info.statistics@jpes.gov.bn | statistics.jpes | https://deps.mofe.gov.bn

TAKLIMAT PEMBARIGAAN PENGGUNAAN USMS



PEMANGKU Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Haji Julkepli bin Haji Ibrahim dan Penasihat Majlis Perundingan Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba Gadong, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerna Setia Dato Paduka Seri Haji Zainuddin bin Jailani turut hadir pada taklimat pembarigaan mengenai USMS berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Rimba Gadong

RIMBA, Isnin, 8 Julai. - Ke arah memberikan kefahaman lebih mendalam dan maklumat lanjut mengenai penggunaan meter baharu Sistem Meter Pintar Bersepadu (Unified Smart Meter System - USMS), satu taklimat pembarigaan mengenai USMS bagi penduduk Mukim Gadong 'A' telah diadakan di Dewan Sekolah Rendah Rimba I, di sini, baru-baru ini.

Taklimat disampaikan oleh

perwakilan dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air dan DSTN Network Sdn. Bhd. (DSTN) bagi Program Penggantian Mandatori kepada USMS. Lebih 70 warga penduduk Mukim Gadong 'A' menghadiri sesi taklimat berkenaan.

Turut hadir ialah Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Haji Julkepli bin Haji Ibrahim dan Penasihat Majlis Perundingan Kampung Kawasan

4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba Gadong, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerna Setia Dato Paduka Seri Haji Zainuddin bin Jailani.

Selain untuk memberi kefahaman dan maklumat lanjut mengenai penggunaan meter baharu USMS tersebut, taklimat juga bertujuan menerangkan cara penjimatkan penggunaan bekalan elektrik dan air. Pada akhir taklimat tersebut, para penduduk Mukim Gadong 'A' juga berpeluang mengajukan soalan semasa sesi soal jawab.

Pelihara haiwan bentuk sikap tanggungjawab



HAIWAN peliharaan dapat menyediakan rutin dan struktur dalam kehidupan kanak-kanak melalui aktiviti penjagaan haiwan berkenaan seperti memberi makan dan memandikan.

di rumah, haiwan peliharaan juga dapat meningkatkan mood dan mengatasi tekanan. Bagi kanak-kanak pula, menjaga haiwan peliharaan dapat menyemai sifat disiplin, tanggungjawab dan kasih sayang dalam diri mereka.

Membela haiwan peliharaan dapat menyediakan rutin dan struktur dalam kehidupan kanak-kanak melalui aktiviti penjagaan haiwan berkenaan seperti memberi makan dan memandikan.

Walau bagaimanapun, menjaga haiwan peliharaan memerlukan komitmen dari segi masa dan wang.

Sebelum mempertimbangkan untuk memiliki haiwan, kita perlu menilai terlebih dahulu komitmen yang ada bagi memastikan kita mempunyai masa yang cukup untuk memberi makan, membersihkan dan menjaga haiwan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Hobi menjaga haiwan peliharaan dapat memberikan pelbagai manfaat kepada para pemilik.

Haiwan peliharaan seperti kucing, ikan, arnab, hamster dan kura-kura mudah dijaga dan sesuai untuk dipelihara oleh seisi keluarga.

Selain untuk mengatasi kesunyian dan menjadikannya sebagai peneman ketika berada

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Pemilik juga bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran dan menghormati penghuni rumah lain yang mungkin tidak suka atau alah pada haiwan peliharaan.

Jika haiwan berkenaan disimpan di luar rumah pastikan ia tidak mengganggu dan membuang najis merata-rata yang boleh menimbulkan ketidaksesuaian kepada penduduk sekitar.

Selain itu, memelihara haiwan juga memerlukan kos dari segi kewangan terutama perbelanjaan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan

suntikan vaksin bagi haiwan berkenaan untuk mencegah penyakit.

Oleh itu, individu yang berniat untuk memelihara haiwan perlu mendapatkan maklumat terlebih dahulu mengenai haiwan yang ingin dipelihara sebelum membuat keputusan.

Dapatkan maklumat menerusi bahan bacaan di internet dan buku, atau mengunjungi kedai khusus yang menjual keperluan haiwan yang ingin dipelihara bagi mengetahui barang yang diperlukan untuk haiwan tersebut.

USAHA KEMBANGKAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) baru-baru ini telah mengadakan Bengkel Kemahiran Bahasa Arab bagi mahasiswa dan mahasiswi tahun 4 pra-siswazah, siswazah dan alumni FBA selama dua hari bertempat di kampus berkenaan.

Fasilitator jemputan ialah pensyarah di Fayoum University, Republik Arab Mesir, Dr. Kamal Abdel Aziz Ibrahim.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah dihasrat agar menjadi wadah untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Bahasa Arab dari segi Pendidikan Bahasa Arab dan Penulisan Ilmiah secara khasnya.

Bengkel kemudiannya akan disambung satu hari bagi tenaga akademik UNISSA dalam usaha mengembangkan kemahiran mengajar Bahasa Arab dan

menerbitkan penulisan ilmiah berkaitan Bahasa Arab sekali gus akan mengangkat lagi nama UNISSA dan Negara Brunei Darussalam di dunia Arab.

FBA UNISSA sebagai satu-satunya fakulti yang mempunyai kepentingan dalam mengembangkan Bahasa Arab di pengajaran tinggi tempatan di negara ini sentiasa membuka peluang kepada anak tempatan dan orang luar bagi sama-sama mengembangmajukan kebolehan sumber tenaga manusia khususnya dalam bidang Bahasa Arab.

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Bahasa Arab mengadakan Bengkel Kemahiran Bahasa Arab bagi mahasiswa dan mahasiswi tahun 4 pra-siswazah, siswazah dan alumni FBA selama dua hari bertempat di kampus berkenaan (atas kanan).



Peluang sertai Bengkel Penulisan Esei Sejarah Brunei

■ Siaran Akbar dan Infografik : Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Julai. - Pusat Sejarah Brunei akan menganjurkan Bengkel Penulisan Esei Sejarah Brunei Tahun 2024. Pendaftaran bagi menyertai bengkel kini dibuka bermula Selasa, 2 Julai 2024 dan akan ditutup pada Sabtu, 20 Julai 2024, pukul 4.00 petang.

Antara objektif bengkel diadakan adalah bagi menggalaukan dan memberi peluang kepada orang ramai khususnya para pengkaji dan peminat sejarah dalam memperluaskan lagi medan pengkajian, perbahasan dan perbincangan sejarah yang bersifat intelektual dan komprehensif.

Di samping itu, bengkel juga akan

dapat memberi peluang kepada para peserta bengkel termasuk orang ramai untuk menyertai Peraduan Menulis Esei Sejarah Brunei Tahun 2024-2025 yang kini masih dibuka sehingga Isnin, 30 September 2024.

Orang ramai bolehlah mendaftar sekarang dengan mengimbas kod QR yang tertera pada poster atau melalui pautan <https://bit.ly/BengkelPenulisanEseiSejarahBrunei2024?r=qr>.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urus Setia Bengkel Penulisan Esei Sejarah Brunei Tahun 2024 melalui talian +673 2240166 / +673 2240167 / +673 2240168 / +673 2240169 / +673 2240170 sambungan 332 / 334.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ayam Kurma Seri Lumut Kampung Sungai Bakong

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 ekor ayam dipotong 16 bahagian
- Bahan untuk dikisar :
- 2 biji bawang holand
- 4 biji bawang merah
- 1 inci halia
- 4 sudu makan serbuk kurma
- ditambah sedikit air untuk dijadikan paste
- 4 sekawan :
- 5 biji bunga lawang
- 4 biji pelaga
- 1 batang kayu manis
- 8 biji bunga cengklik
- Beberapa tangkai daun kari
- 3/4 cawan santan
- 1/2 cawan susu cair

Sedikit minyak untuk menumis

- 1 sudu makan minyak ghee
- 3 sudu makan kacang peas
- Segenggam kacang jagus
- disangai / masuk oven sekejap
- 2 ubi kentang dipotong panjang, digoreng
- Serbuk perasa (mengikut sukanan masing-masing)

CARA-CARANYA :

Panaskan minyak dan minyak ghee di dalam kuali. Masukkan 4 sekawan ke dalam minyak yang panas. Biarkan sekejap hingga naik bau. Lepas itu masukkan bahan-bahan yang sudah dikisar, tumis

hingga naik bau. Masukkan daun kari.

Setelah itu, masukkan paste kurma. Tumis sehingga pecah minyak. Tambah sedikit air agar tidak melekat. Setelah pecah minyak, barulah masukkan ayam yang sudah dipotong tadi dan santan. Kacau rata dan biarkan sehingga masak.

Setelah itu, masukkan susu cair dan masukkan sebuk perasa.

Terakhir hidangkan masakan ayam kurma tadi dengan ditaburkan kacang peas, kacang jagus, ubi kentang dan bawang goreng di atasnya.

Selamat mencuba.

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 1 Julai, 1964.

Tanggong Jawab Kerajaan — Memberi Pelajaran2 Dan Dermasiswa Kapada Murid2 — KATA PENGIRAN MOMIN

KUALA BELAIT. — Tanggong jawab Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah memberi pelajaran pemulaan dan mene-nghal serta dermasiswa untuk menyambong pelajaran di-seberang laut dengan perchuma kapada murid2 yang handal telah dan sedang di-laksanakan. Oleh yang demikian tidak-lah munasabah dan patut bagi kita di-Brunei ini menyalahkan Kerajaan, kira-nya anak2 kita tidak mendapat pelajaran yang sudah tentu sangat2 mustahak terhadap sa-saorang itu. Demikian kata Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail yang juga menjadi Pe-naong temasha Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Ahmad Tajud-din, sebelum beliau merasmikan sambutan Minggu Pelajaran Sekolah Melayu tersebut pada pagi hari Ahad 21 Jun, 1964.

Pengiran Momin berkata dalam uchapan-nya bahawa sebagai sa-orang bapa yang mempu-yai anak-nya yang sedang belajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, beliau berasa bangga

kerana anak beliau itu di-beri peluang menuntut ilmu dengan perchuma untuk kebahagiaan-nya di-masa hadapan.

Selanjutnya beliau berkata, "Saya perchaya tuan2 dan puan2 akan mempunyai perasaan yang sama dengan saya terhadap so'al ini yang mengharuskan kita menguchapkan shukor dan terima kaseh kapada Kerajaan Brunei yang memberikan peluang keemasan itu kapada anak2 kita."

Begitu juga kita harus ber-terima kaseh kapada guru2 yang mengajar dan memimpin anak2 kita sa-hingga mereka2 itu boleh memahami apa erti ilmu dan apa pula kepentingan-nya itu di-pela-jari.

Kemajuan dan kemunduran anak2 kita dalam pelajaran-nya akan dapat kita ketahui dan dapat pula kita menyaksikan ba-gaimana anak2 kita itu di-ajar dan di-didek oleh sa-orang guru dalam Minggu Pelajaran ini."

Beliau berkata lagi bahawa "harus-lah kita menyedari baha-wa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bertanggong jawab mem-beri pelajaran dengan perchuma sedang di-laksanakan, akan tetapi tidak-lah menjadi sharat bagi Kerajaan untuk memberi pekerjaan kapada sa-tiap orang yang sudah tamat pengajian-nya — tanggong jawab Kerajaan mem-beri pelajaran itu ada-lah semata2 untuk membolehkan ra'ayat di-negeri ini membacha dan menulis untuk kesenangan mereka sendiri dan untuk kepentingan negara.

Kita perlu ingat bahawa ke-majuan sa-sabuah negara ada-lah bergantong kapada ra'ayat yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemajuan tidak akan tercapai kira-nya ra'ayat di-Brunei itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan."

Kemudian Pengiran Momin telah menyeru kapada murid2 sekalian supaya mereka belajar dengan bersunggoh2 kerana peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran dari sekolah tersebut ka-Sekolah Menengah seterusnya ka Sekolah Tinggi dan untuk mendapat dermasiswa kerana me-nyambong pelajaran di-seberang laut terbuka kapada mereka.

"Kamu sahaja-lah yang dapat menentukan nasib kamu sendiri kerana Kerajaan, ibu bapa dan saudara mara kamu tidak dapat memberi kamu bantuan, melainkan kamu bersedia untuk membantu diri kamu sendiri. Dengan sebab itu, belajar-lah bersunggoh2 untuk mencapai kemajuan kamu dan negara kita ini."

Akhirnya beliau telah menguchapkan terima kaseh kapada Ahli2 Jawatan Kuasa sambutan Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin kerana su-di menjemput beliau menjadi Pe-naong temasha tersebut dan be liau berharap Minggu Pelajaran itu akan mendapat kejayaan.

Kemudian beliau berkata, "De-nungan nama Allah saya ishtiharkan pembukaan Minggu Pe-lajaran ini dengan rasmi-nya."

UPACHARA MENYAMPAIKAN PERISAI KEDATANGAN DI-S.M.B.S.

BUKIT SAWAT. — Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait, telah berjaya memenangi Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sebagai Sekolah Melayu di-Daerah Belait yang terbaik sekali dalam hal ch-wal kedatangan murid2 pada se-pjang tahun 1963.

Perisai Kedatangan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Momin bin Pe-ngriran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait, selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kapada Sekolah Melayu Bukit Sawat pada tengah hari Isnin 22 Jun, 1964.

Pengiran Momin telah menguchapkan tahniah kapada Sekolah Melayu Bukit Sawat yang telah berjaya memperolehi Perisai Ke-datangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Beliau telah menyeru kapada murid2 sekolah tersebut supaya mereka utamakan pelajaran pa-da sa-tiap masa kerana kepen-tingan negeri ini.

Pada hari tersebut juga Sekolah Melayu Bukit Sawat telah menyambut temasha Minggu Pe-lajaran dengan mengadakan ber-bagi2 achara yang meriah.

TARI MENARI DERMA BAKTI

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Tari Menari di-bawah anjoran Persatuan Hokey Brunei akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada malam 4 Julai, 1964.

Tujuan mengadakan temasha tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi menghantarkan sapo-sukan hokey wanita Brunei ka-Sabah dalam bulan Ogos akan datang.

Pasukan Hokey Wanita Brunei

itu akan mengadakan perlawan-an dengan Pasukan Hokey Sabah di-Jesselton dalam perlawan-an tahunan antara Sabah dan Brunei.

Bayaran masok ka-temasha tersebut ia-lah \$1.50 bagi sa-orang lelaki atau pun perempuan.

Dua pancharagam tempatan yang terkenal, ia-itu "The Strangers" dan "The Hunters" akan bermain di-temasha tersebut.

PERJUMPAAN JAYCEE

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan bagi menubohkan Pertubuhan Jaycee Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Sai-fuddin pada pukol 10 pagi hari Ahad 5 Julai, 1964.

Wakil2 dari pertubuhan2 Jay-cee dari luar negeri telah pun di-jemput untuk hadir di-majlis tersebut.

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—

—



Persiapan negara untuk Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Yang Dikasihi Ke-78

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

RAKYAT dan penduduk Negara Brunei Darussalam setentunya menantikan kemeriahannya Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang lazimnya kita raikan saban tahun.

Sempena menyambut Hari Keputeraan baginda Ke-78 pada tahun ini, beberapa persiapan giat dilaksanakan demi kelancaran sambutan agar lebih meriah sekali gus menjadi suatu kenangan dan catatan yang tersendiri setiap tahun.

Mesyuarat jawatankuasa sambutan perayaan

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78, Tahun 2024 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM pada 20 April lalu.

Kemudian, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman seterusnya mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 pada 6 Jun lepas.

Mesyuarat membincangkan laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Bagi Tahun 2024 antaranya Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam, Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesukuran, Istiadat Barisan Kehormatan, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah-daerah, Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundungan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara dan Riadah Berbasikal Keputeraan 2024.

Pengibaran bendera dan kain rentang

Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri beserta kerabat diraja agar sentiasa dikurniakan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kekal karar memerintah negara dan sentiasa dalam inayah Allah

Hassanal Bolkiah pada 1 Julai baru-baru ini menandakan permulaan bagi semua bangunan termasuk bangunan-bangunan kerajaan dan kediaman untuk mengibarkan bendera masing-masing.

Selain bendera berkibar megah, kita juga dapat menyaksikan pemasangan kain-kain rentang yang terbentang di sepanjang hadapan kedai-kedai, pasar raya dan sebagainya yang mengandungi petikan doa khas buat pemimpin yang kita sayangi iaitu 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik, Kekal Qarar Memerintah Negara Brunei Darussalam'.

Merafak doa buat raja tercinta

Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah menjadi kelaziman bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk di keempat-empat daerah merafak doa bagi memohon Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri beserta kerabat diraja agar sentiasa dikurniakan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kekal karar memerintah negara dan sentiasa dalam inayah Allah

Subhanahu Wata'ala.

Perhiasan gerbang

Pemasangan gerbang memaparkan potret raja kita menyerikan lagi suasana persekitaran terutama sekali pemandangan di ibu negara, Bandar Seri Begawan dihiasi dengan beraneka corak dan warna gerbang yang dipasang. Suasana waktu malam lagi tampak meriah dengan lampu neon dan cucul berkelipan berwarna-warni terutama sekali kawasan jalan menuju ke Istana Nurul Iman.

Ramah mesra bersama rakyat

Majlis Ramah Mesra Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama rakyat antara detik yang paling dinantikan segenap masyarakat bukan sahaja penduduk tempatan malah pekerja asing yang menetap di negara ini juga tidak melepaskan peluang untuk berjunjung ziarah bersama pemimpin kita dan kerabat diraja yang lain.

Selain itu, para pelancong sudah pasti tidak mahu melepaskan peluang keemasan itu kerana kesempatan itu bukan senang diperolehi dan untuk dijadikan kenangan yang tidak akan dilupakan yang merupakan satu keunikan di negara ini.

Tiada dinding pemisah di antara raja dan rakyat itulah diibaratkan hubungan antara keduanya begitu rapat dan maka itulah Kebawah Duli Yang Maha Mulia begitu rapat dan kesayangan di setiap hati rakyat. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.





BANGKOK, 9 Julai. - Thailand melanjutkan dekri darurat ke atas tiga wilayah sempadan selatan - Narathiwat, Pattani, dan Yala - selama tiga bulan lagi bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda rakyat.

Jurucakap Kerajaan, Chai Wacharone berkata mesyuarat kabinet yang dipengerusikan oleh

THAILAND : DEKRI DARURAT DI SELATAN THAILAND DILANJUTKAN

Perdana Menteri, Srettha Thavisin di sini pada Selasa telah meluluskan lanjutan dekri darurat itu.

"Lanjutan pengisytiharan darurat dari 20 Julai hingga 19 Oktober tahun ini menandakan lanjutan kali ke-77 sejak 2005," katanya kepada pemberita.

Dekri darurat yang diumumkan pada 2005 adalah alat yang membolehkan pegawai negeri

menangani situasi di selatan dengan lebih berkesan.

Ia bertujuan untuk meneruskan usaha menangani keganasan di tiga wilayah sempadan selatan dan memastikan keselamatan awam, serta melindungi nyawa dan harta benda rakyat.

Chai berkata pengisytiharan darurat di tiga wilayah sempadan selatan mempunyai pengecualian untuk 15 daerah. Daerah-daerah ini termasuk Yi-ngo, Sungai Kolok, Waeng, dan Sukhirin di Wilayah

Narathiwat; Yaring, Panare, Mayo, Mai Kaen, Thung Yang Daeng, Khok Pho, dan Mae Lan di Wilayah Pattani; dan Betong, Raman, Kabang, dan Krong Pinang di Wilayah Yala.

Beliau berkata Majlis Keselamatan Negara juga melaporkan bahawa Wilayah Tentera Keempat telah merumuskan hasil operasi untuk pertimbangan lanjutan kali ke-77 pengisytiharan darurat tersebut.

Laporan itu termasuk bahawa keganasan telah menurun

berbanding tempoh sebelumnya dan penilaian menunjukkan majoriti rakyat tidak mahu dekri darurat ditarik balik.

"Lanjutan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan nyawa dan harta benda rakyat serta mengekalkan kesinambungan operasi," katanya sambil menambah bahawa terdapat 10 insiden keganasan di wilayah sempadan selatan yang direkodkan dari 20 April hingga 13 Jun tahun ini. - ©BERNAMA

4 maut, jutaan penduduk terputus bekalan elektrik ketika Hurikan Beryl landa Texas

WASHINGTON, 9 Julai - Empat orang maut di Texas ketika ribut tropika Beryl terus bergerak melalui negeri itu, kata Datuk Bandar Houston pada Isnin manakala jutaan penduduk masih terputus bekalan elektrik, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut pengerusi syarikat yang mengendalikan bekalan elektrik, kira-kira dua hingga tiga juta isi rumah terjejas dan usaha memulihkan bekalan elektrik mungkin mengambil masa beberapa hari.

Sementara itu, puting beliung melanda Jasper County, di sempadan dengan negeri Louisiana, memusnahkan kira-kira 30 rumah.

Beryl mendarat sebagai hurikan berhampiran bandar Matagorda di Texas, kira-kira 130 kilometer barat daya Houston, awal pagi Isnin tetapi kehilangan kekuatan sejak itu.

Pusat Taufan Kebangsaan AS mengeluarkan amaran untuk beberapa bahagian Texas dan Louisiana mengenai kemungkinan puting beliung, banjir kilat, dan angin kencang.

Ahli meteorologi berkata terdapat risiko berterusan lonjakan ribut yang mengancam nyawa di sepanjang Pantai Teluk.

Mereka meramalkan Hurikan Beryl akan terus bergerak ke arah timur laut dalam beberapa hari akan datang sambil semakin lemah.

Beryl terbentuk di Atlantik pada akhir Jun dan melanda tenggara Caribbean pada 1 Julai. - ©BERNAMA

Tanah runtuh di lombong emas Indonesia ragut 10 nyawa, 43 hilang

JAKARTA, 9 Julai - Tanah runtuh yang berlaku di sebuah lombong emas di Bone Bolango, wilayah Gorontalo, Sulawesi, Indonesia pada Ahad dilaporkan mengorbankan 10 nyawa, dengan 43 individu masih belum ditemui.

Jurucakap Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB), Abdul Muhamir pada Selasa berkata jumlah mangsa yang hilang itu disahkan oleh agensi pengurusan bencana daerah.

Beliau dalam satu kenyataan berkata operasi mencari dan menyelamat yang melibatkan lebih 200 anggota di Kampung Tulabolo, daerah Suwawa Timur, dihentikan buat sementara pada 6 petang Isnin akibat hujan lebat.

"Pihak berkuasa mengutamakan keselamatan anggota dan komited untuk meneruskan usaha pencarian apabila keadaan bertambah baik," katanya.

Abdul Muhamir berkata operasi itu berdepan cabaran besar, termasuk keadaan tanah yang tidak stabil dan jalan yang tidak dapat dilalui ke kawasan terjejas, yang memerlukan perjalanan selama sembilan jam dengan berjalan kaki untuk sampai ke lokasi. - ©BERNAMA

Kenderaan penyiaran CMG untuk Sukan Olimpik Paris, tiba di Belanda

ROTTERDAM, 9 Julai. - Kenderaan penyiaran definisi ultra tinggi 8K milik Kumpulan Media China (CMG) yang dinamakan "Merah China" berserta kenderaan sokongannya selamat tiba di sini, pada awal pagi Isnin.

Kenderaan penyiaran itu sepanjang 17 meter, selebar 2.5 meter dan beratnya 40 tan. Ia memerlukan keupayaan angkat yang tinggi di pelabuhan.

Oleh itu, pelabuhan terbesar di benua Eropah itu telah mengadakan mesyuarat khusus untuk menetapkan pelan pengangkutan berkenaan.

Setelah dipunggah dari kabin kapal, kenderaan itu akan berhenti di terminal untuk prosedur pelepasan kastam. Seterusnya, kenderaan itu akan menuju ke Paris melalui Belgium dan membuat penyiaran definisi ultra tinggi 8K mengenai pertandingan olahraga dan upacara penutup Sukan Olimpik Paris kepada penonton di seluruh dunia. - ©BERNAMA

Empat cedera ambulans terbabas dalam parit

IPOH, 9 Julai. - Empat individu termasuk seorang lelaki warga emas cedera selepas ambulans Kementerian Kesihatan (KKM) dinaiki mereka terbabas ke dalam parit berdekatan Jalan Tol Kamunting, Taiping di sini, hari ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak Sabarodzi Nor Ahmad berkata kejadian pada 3.30 pagi

itu membabitkan pesakit lelaki berusia 68 tahun serta dua lelaki dan seorang wanita yang merupakan petugas KKM berusia lingkungan usia 20 hingga 57 tahun.

"Lelaki warga emas dan wanita berkenaan mengalami kecederaan parah manakala dua lelaki pula hanya cedera ringan."

"Warga emas itu adalah pesakit yang dibawa menaiki ambulans

dari Hospital Parit Buntar ke Hospital Taiping bagi pemeriksaan kesihatan. Kemalangan berlaku ketika mereka dalam perjalanan pulang ke Hospital Parit Buntar," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata kesemua mangsa telah dibawa ke Hospital Taiping menggunakan jentera Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS). - ©BERNAMA

Tokyo lapor enam kematian akibat strok haba

TOKYO, 9 Julai. - Enam orang maut akibat strok haba pada hujung minggu di Tokyo, menurut pihak berkuasa perubatan tempatan pada Selasa.

Jepun ketika ini menghadapi gelombang haba luar biasa di tengah-tengah kelembapan musim panas, lapor Xinhua.

Menurut Pejabat Pemeriksa Perubatan Tokyo, tiga kematian dilaporkan pada Sabtu dan tiga lagi pada Isnin.

Menurut Agensi Meteorologi Jepun, Tokyo menyaksikan suhu tertinggi tahun ini sepanjang

hujung minggu. Suhu di ibu negara Jepun meningkat kepada 34.2°C dan mencapai 36°C pada dua hari berkenaan.

Gelombang haba baru-baru ini telah menyebabkan peningkatan kes strok haba di seluruh Jepun.

Kira-kira 9,105 orang telah dibawa ke bilik kecemasan di seluruh negara akibat strok haba minggu lalu, menurut Agensi Pengurusan Kebakaran dan Bencana di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Komunikasi.

Ia menandakan peningkatan

ketara sebanyak 6,800 kes berbanding minggu sebelumnya, yang mencatatkan 2,276 kes.

Bilangan pesakit strok haba tahun ini hampir dua kali ganda berbanding tempoh sama tahun lepas, yang mencatatkan 4,026 kes.

Antara kes terbaru, 19 orang telah meninggal dunia dan 210 dalam keadaan serius.

Menggesa orang ramai untuk mengambil langkah pencegahan terhadap strok haba.

Pihak berkuasa mengesyorkan orang ramai agar sentiasa terhidrat dan menggunakan penyaman udara dengan sewajarnya untuk mengatasi cuaca panas melampau. - ©BERNAMA

Video orang utan 'gergas' di Kalimantan Timur tarik perhatian netizen

JAKARTA, 9 Julai. - Video tular seekor orang utan 'gergas' di bawah pokok di daerah Kutai Timur, Kalimantan Timur telah menarik perhatian meluas pengguna media sosial.

Rakaman berdurasi 17 saat itu menunjukkan orang utan berkenaan berdiri sambil menggenggam dahan pokok dan dengan tenang memakan buah berhampiran sebuah rumah di tepi jalan.

Lokasi sebenar kejadian masih tidak diketahui kerana pemuat naik asal telah memadam video berkenaan, menyukarkan usaha bagi Agensi Pemuliharaan Sumber

Asli Alam Kalimantan Timur.

Media tempatan melaporkan bahawa ketua agensi berkenaan, Ari Wibawanto menyatakan bahawa orang utan jantan yang telah berusia itu mungkin kelihatan lebih besar kerana sudut kamera.

Beliau berkata: "Orang utan tanpa kawasan yang dikuasainya sering merayau ke kawasan kediaman atau jalan raya untuk mencari pasangan atau makanan."

Penampakan itu telah mencetuskan perbincangan dalam kalangan netizen mengenai orang utan berhampiran penempatan manusia, menyoroti kebimbangan alam sekitar bagi spesies yang

terancam berkenaan.

Dalam inisiatif berkaitan, pada November 2023, Agensi Pemuliharaan Sumber Asli Kalimantan Tengah dan Kalimantan Timur melepaskan 12 orang utan yang telah dipulihkan ke alam liar daripada kemudahan yang dikendalikan oleh 'Borneo Orangutan Survival Foundation'.

Orang utan ditemui secara eksklusif di Sumatera dan Kalimantan di Indonesia, serta Sabah dan Sarawak di Malaysia, termasuk spesies seperti *Pongo pygmaeus*, *Pongo abelii*, dan *Pongo tapanuliensis*. - ©BERNAMA

HAMPIR SETENGAH JUTA ORANG DI GAZA HADAPI TAHAP KELAPARAN YANG DAHSYAT - WFP

ROM, 9 Julai - Hampir setengah juta orang di Semenanjung Gaza menghadapi tahap kelaparan yang

dahsyat, kata Program Makanan Sedunia (WFP).

Menerusi hantaran di X, WFP

di Timur Tengah dan Afrika Utara berkata keluarga sering kali tidak menerima catuan penuh yang

mereka perlukan kerana akses tidak menentu dan stok yang terhad, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

"Pada Jun, WFP membantu 1 juta orang, tetapi itu tidak mencukupi," kata WFP sambil menekankan keperluan untuk gencatan senjata di Gaza.

- ©BERNAMA

Presiden Rusia, PM India adakan perbincangan tidak rasmi

NEW DELHI, 9 Julai. - Presiden Rusia Vladimir Putin dan Perdana Menteri India Narendra Modi mengadakan perbincangan tidak rasmi di kediaman presiden di Novo-Ogaryovo di luar Moscow pada Isnin.

"Terima kasih kepada Presiden Putin kerana menerima saya di Novo-Ogaryovo malam ini. Saya menantikan perbincangan kami esok yang pastinya akan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan antara India dan

Rusia," kata Modi menerusi catatan di media sosial.

Perdana Menteri India tiba di Moscow pada Isnin untuk lawatan dua hari bagi menyertai sidang kemuncak tahunan India-Rusia ke-22.

Rundingan rasmi antara delegasi kedua-dua negara pada Selasa dijangka memberi tumpuan kepada agenda ekonomi, termasuk kerjasama tenaga, perdagangan dan bekalan bahan, lapor Agensi Berita

Rusia, TASS.

Mereka juga akan membincangkan isu serantau dan antarabangsa, termasuk konflik Rusia-Ukraine.

Modi melawat Rusia pada September 2019 untuk menghadiri Forum Ekonomi Timur ke-5 di Vladivostok dan pada Disember 2015 untuk lawatan rasmi pertamanya ke Moscow bagi menyertai sidang kemuncak tahunan India-Rusia ke-16.

- ©BERNAMA

2,600 pesawat Boeing 737 hadapi pemeriksaan FAA berhubung isu topeng oksigen

WASHINGTON, 9 Julai. - Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) pada Isnin mengarahkan pemeriksaan topeng oksigen penumpang pada kira-kira 2,600 pesawat Boeing kerana masalah dengan bahan pelekat yang boleh menyebabkan topeng itu beralih daripada kedudukan asal, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Kerosakan ini boleh menyebabkan ketidakupayaan untuk menyediakan oksigen tambahan kepada penumpang

semasa insiden penyahtekanan," kata FAA.

Menurut FAA, arahan pemeriksaan itu dibuat selepas beberapa laporan daripada penumpang yang menyatakan unit topeng oksigen telah beralih daripada kedudukan kerana kegagalan pengekalan.

Isu itu menjelaskan kedua-dua versi lama dan lebih baharu pesawat Boeing 737. FAA pada masa ini tidak dapat menganggarkan bilangan pesawat yang terjejas oleh kecakatan

berkenaan dan memerlukan pembaikan semula.

Sementara itu, FAA berkata arahan kelayakan terbang mereka berkuat kuasa serta-merta dan memerlukan pemeriksaan serta tindakan pembetulan, jika perlu dalam tempoh 120 hingga 150 hari bergantung kepada model 737, lapor Xinhua.

Menurut FAA, syarikat penerbangan mesti memeriksa dan jika perlu, mengganti atau membaiki penjana oksigen dan pad terma. - ©BERNAMA

Kemboja perbaharui gesaan supaya orang ramai tidak makan ikan buntal selepas 2 kematian

PHNOM PENH, 9 Julai. - Kementerian Kesihatan Kemboja pada Selasa memperbaharui gesaan supaya orang ramai tidak makan ikan buntal selepas dua orang meninggal dunia selepas memakan ikan itu.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Kesihatan memaklumkan seorang lelaki di wilayah Oddar Meanchey meninggal dunia pada 7 Julai manakala seorang lagi lelaki di wilayah Kampong Chhnang meninggal dunia pada 8

Julai selepas mereka memakan ikan buntal.

Menurut Kementerian Kesihatan, seramai tujuh orang di tengah wilayah Kampong Chhnang juga dimasukkan ke hospital selepas makan ikan buntal minggu lepas.

Bagaimanapun, mereka semua berjaya diselamatkan tepat pada masanya.

Kementerian itu ingin mengingatkan orang ramai supaya mengelak daripada makan ikan buntal kerana ia mengandungi racun

yang boleh menyebabkan penyakit serius atau kematian.

Gejala yang berlaku 20 minit hingga dua jam selepas makan ikan buntal beracun termasuk kebas, kesemutan di sekitar mulut dan anggota badan, sakit kepala, pening, air liur berlebihan, loya, muntah dan cirit-birit.

Gejala itu mungkin berkembang menjadi lumpuh, hilang kesedaran dan kegagalan pernafasan yang boleh menyebabkan kematian. - ©BERNAMA

Fasa pertama pengunduran tentera AS dari Niger selesai

NIAMEY, 9 Julai. - Kementerian Pertahanan Niger dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (AS) pada Isnin mengumumkan fasa pertama pengunduran tentera dan peralatan AS dari wilayah Niger telah selesai, lapor Xinhua.

Pengumuman itu dibuat pada majlis menandatangani dokumen pemindahan hak Amerika kepada tentera Niger di Pangkalan Udara 101 di ibu kota Niger, Niamey.

Majlis itu dihadiri Duta AS, Kathleen FitzGibbon serta personaliti awam dan tentera kedua-dua negara.

Menurut Kolonel Mamane Sani Kiaou, Ketua Turus Tentera Niger, perjanjian itu menggesa pemindahan semua aset ketenteraan Amerika di Niger termasuk yang berada di Niamey, Agadez, Ouallam dan Diffa menjelang 15 September.

Selepas mengeluarkan tentera dan peralatan dari Pangkalan Udara 101, AS akan memberi tumpuan untuk berundur dari Pangkalan Udara 201 di bandar Agadez.

"Pegawai Niger dan AS akan berusaha untuk memastikan pengunduran yang selamat, teratur dan bertanggungjawab," katanya.

- ©BERNAMA

Fasa kedua projek bantuan teknikal padi kacukan China di Madagascar dilancarkan

BEIJING, 9 Julai. - Majlis menandatangani dokumen fasa kedua projek bantuan teknikal padi kacukan China diadakan di Kementerian Luar Negeri Madagascar, pada Isnin.

Untuk rekor, fasa pertama projek padi kacukan bantuan China telah dilaksanakan di wilayah Mayiqi, Madagascar pada 2007 hingga 2011. Keluasan penanaman padi kacukan secara kumulatif merekodkan 75,000 hektar, dengan purata hasil tuaian mencapai 7 hingga 8 tan per hektar, iaitu tiga kali ganda berbanding hasil padi tanaman tempatan.

Menurut rancangan, penanaman demonstrasi bagi fasa kedua projek bantuan China ini akan dilaksanakan di lapan kawasan penanaman padi di seluruh pulau Madagascar.

Selain itu, China dan Madagascar juga akan meningkatkan kerjasama dalam bidang Juncao dan pengekspor produk pertanian ke China bagi membantu negara kepulauan itu memperhebat keselamatan makanan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. - ©BERNAMA

1 maut, 6 hilang dalam banjir kilat di tengah Filipina

MANILA, 9 Julai. - Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun maut manakala enam lagi hilang selepas banjir kilat menghanyutkan sebuah trak pikap yang membawa 17 orang di wilayah Cebu, tengah Filipina, menurut pegawai tempatan pada Selasa, lapor Xinhua.

Ketua Pejabat Pengurusan dan Pengurangan Bencana Bandar Carmen, Roger Suico berkata kejadian berlaku kira-kira 5 petang waktu tempatan pada Isnin.

Beliau berkata pasukan penyelamat menyelamatkan 10 orang dan menemukan mayat kanak-kanak perempuan itu pada Isnin malam kira-kira lima kilometer dari lokasi kejadian.

Enam orang masih hilang, termasuk pasangan pengantin baharu dan seorang wanita hamil.

Siasatan awal menunjukkan bahawa kumpulan itu menghadiri majlis perkahwinan di sebuah tempat peranginan dan sedang dalam perjalanan pulang ke kampung mereka dengan trak pikap mereka melalui jalan dinaiki air sebelum dihanyutkan ke dalam anak sungai yang melimpah.

Dalam catatan di media sosial pada Selasa, Datuk Bandar Carmen, Carlo Villamor menyatakan bahawa pasukan penyelamat telah menyambung semula usaha mencari enam mangsa yang hilang. - ©BERNAMA



WALKATON MASJID SEMARAKKAN ILAL HIJRAH 1446

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada acara walkaton berkenaan (kanan). Sementara gambar kanan sekali, sebahagian daripada yang hadir turut serta pada acara berkenaan.

KILANAS, Isnin, 8 Julai. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Mukim Kilanas awal pagi tadi menganjurkan Acara Walkaton Hijrah Minal Masjid Ilal Masjid bagi masjid-masjid di bawah kawalan Mukim Kilanas sempena Sambutan Ilal Hijrah 1446.

Acara Walkton yang julung kali diadakan itu melibatkan kesemua masjid-masjid dari Mukim Kilanas iaitu Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (DRIPAD) Mukim Kilanas, Masjid Kampung Kilanas, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampung Jangsak, Masjid Kampung Bunut, Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjung Bunut dan Masjid Kampung Bengkong di mana para jemaah dan penduduk Kampung berlepas dari masjid kampung masing-masing dan menuju ke Masjid DRIPAD Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada



walkaton berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas itu, acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Subuh dan seterusnya sesi pemanasan badan.

Setelah itu, tetamu kehormat dan para jemaah kemudian berlepas menuju ke

Masjid DRIPAD Mukim Kilanas.

Di Masjid DRIPAD, walkaton berkenaan seterusnya diserikan lagi dengan bacaan Asma Alhusna, Selawat Tafrifiyah dan Dikir yang dibacakan oleh para Muslimah dari masjid-masjid Mukim Kilanas.

Tujuan utama acara ini adalah bagi menyemarakkan lagi kedatangan tahun Hijrah 1446, selain memberi peluang kepada para jemaah dan penduduk kampung beriadah berjalan kaki yang merupakan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang suka

melakukan tiga perkara secara berjemaah iaitu solat berjemaah, makan berjemaah dan berjalan berjemaah.

Ia juga bertujuan untuk menghidupkan suasana Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjalan kaki dari Mekah ke Madinah satu ketika dahulu dan memupuk silaturahim dan mewujudkan semangat kesepakatan untuk bekerjasama antara penduduk-penduduk Mukim Kilanas.

Juga hadir, Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Kontinjen negara dibekal dengan penyejuk udara di Olimpik Paris - Hamidin

KUALA LUMPUR, 9 Julai. - Semua atlet negara yang akan beraksi di Sukan Olimpik Paris 2024 bermula 26 Julai hingga 11 Ogos ini akan dibekalkan dengan penyejuk udara mudah alih bagi mengharungi suhu tinggi musim panas di kota cinta itu.

La susulan keputusan pihak pengajur untuk tidak menyediakan penyamanan udara di Perkampungan Sukan yang menempatkan para atlet dari seluruh negara ketika cuaca panas musim ini dijangka boleh melebihi paras biasa di Perancis.

Ketua Kontinjen Malaysia (CDM) ke Olimpik 2024, Datuk Mohd Hamidin Mohd Amin mengesahkan bahawa pihak Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) mencari penyelesaian dengan membekalkan penyejuk udara.

"Kita memang dah tahu dari awal

ketika lawatan CDM tahun lepas dan atlet pun telah dimaklumkan bahawa tiada penyamanan udara di apartmen tersebut. Jadi kita ada penyejuk udara, memang kita dah siap sedia untuk itu," katanya kepada pemberita selepas majlis mengumumkan Samsonite sebagai penaja bagi rasmi kontinjen negara ke Olimpik Paris dengan nilai tajaan RM346,380.

Dalam usaha pengajuran lebih mesra alam, pihak pengajur sebelum ini mengumumkan 7,000 bilik di Perkampungan Sukan tidak akan dilengkapi dengan penyamanan udara, tetapi akan menggunakan sistem penyejuk geotermal yang menjamin suhu dalam bangunan sekurang-kurangnya enam derjah Celsius lebih rendah daripada suhu di luar.

Dengan suhu musim panas kali ini

diramalkan lebih tinggi berbanding sekitar 25 hingga 42 derjah Celsius yang pernah dicatatkan sebelum ini, beberapa pihak menyatakan kegusaran mengenai potensi risiko kesihatan, termasuk kekejangan, keletihan dan strok haba.

Menurut laporan media antarabangsa, pengajur baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka telah menerima tempahan sejumlah 2,500 unit penyejuk udara daripada beberapa negara, antaranya Britain, Jerman, Itali, Jepun, Kanada, Ireland, Greece dan Australia dengan kos tambahan itu ditanggung sendiri oleh kontinjen berkenaan.

Sementara itu, Hamidin menasihatkan semua atlet supaya lebih berhati-hati dan sentiasa menjaga keselamatan menjelang baki 17 hari sebelum temasya membuka tirai.

"Kita harap mereka dapat menjaga kesihatan, atau berhati-hati sedikit dalam latihan, kalau tidak kerugian pula jika kecederaan berlaku sebelum temasya bermula," katanya mengulas insiden atlet berbasikal lebuh raya, Nur Aisyah Mohamad Zubir mengalami kecederaan ringan selepas kemalangan ketika menyertai pertandingan di Belgium, 16 Jun lepas.

Hamidin turut mengesahkan jumlah muktamad 26 atlet Malaysia ke Olimpik kali ini selepas penerjun negara, Ooi Tze Liang tidak memperoleh slot tambahan daripada Akuatik Dunia menjelang tarikh tutup, semalam.

Ditanya mengenai sasaran pingat, beliau berkata mahu menunggu pengumuman daripada Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mengenai perkara itu. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA TAAT SETIA, PATUH, MENJUNJUNG TITAH PERINTAH